

10 OCT 1999

BN-Dalil

BN GUNA ISU 42 DALIL MENGAPA PAS TIDAK LAYAK MEMERINTAH

HULU TERENGGANU, 10 Okt (Bernama) -- Barisan Nasional akan menggunakan isu 42 dalil mengapa Pas tidak layak memerintah negara ini pada kempen-kempen pilihan raya, sekaligus memerangi fitnah dan pembbohongan yang disebarakan parti-parti pembangkang.

Setiausaha Badan Perhubungan Umno Negeri Datuk Dr Tengku Mahmud Mansor berkata antara 200 hingga 300 ribu poster dalil berkenaan akan disebarakan di setiap negeri melalui risalah, papan kenyataan, papan tanda tepi jalan dan pelekat kenderaan.

"Parti pembangkang terutama sekali Pas adalah penipu besar dan telah banyak meracuni fikiran rakyat. Kita (BN) telah lama bersabar dengan dakyah-dakyah Pas dan sudah sampai masa untuk bertindak," katanya kepada pemberita selepas melawat projek Akuakultur di Tasik Kenyir, di sini, hari ini.

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata BN akan memulakan kempen memerangi fitnah dan pembbohongan yang disebarakan oleh parti-parti pembangkang.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Pertanian berkata risalah atau penerangan mengenainya akan diedarkan ke seluruh negara pada bila-bila masa selepas sambutan 25 tahun BN, 24 Oktober ini.

"Risalah atau penerangan terbabit bukanlah propaganda kerajaan, tetapi adalah tanggungjawab kerajaan untuk menangkis fitnah daripada pembangkang agar rakyat boleh berfikir tentang kebenarannya," katanya.

Beliau berkata berkata BN menggunakan angka 42 untuk dalil-dalil atau isu-isu berkenaan bersempena ulang tahun kemerdekaan negara yang ke-42.

Tengku Mahmud turut mempersoalkan sikap Pas yang tiba-tiba berubah pendirian dengan bersekongkol dengan DAP yang nyata menolak Islam, hanya kerana ingin berkuasa.

"Pas melabelkan Umno sebagai kafir kerana berkerjasama dengan MIC dan MCA serta parti-parti lain, tetapi mereka (Pas) pula berkerjasama dengan DAP," katanya.

-- BERNAMA

RIZ zb